

Rizab Antarabangsa Bank Negara Berjumlah AS\$136.1 Bilion

Bernama

22 Ogos, 2011

Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM411.6 bilion (AS\$136.1 bilion) sehingga pada 15 Ogos, 2011.

Dalam satu kenyataan pada Isnin, BNM berkata kedudukan rizab berkenaan mencukupi untuk membiayai 9.6 bulan import tertanggung dan 4.5 kali hutang luar jangka pendek.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=609647>